

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

| Bil | Berita   | Media             | Capaian Berita Penuh |
|-----|--|-------------------|----------------------|
| 1.  | <u>Laporan pencemaran bukan sengaja dilewatkan</u>         | Sinar Harian      | Rujuk lampiran 1     |
| 2.  | <u>Kuasa bertindih punca cari salah orang</u>              | Berita Harian     | Rujuk lampiran 2     |
| 3.  | <u>Najis burung merpati bukan punca gangguan kesihatan</u> | Kosmo!            | Rujuk lampiran 3     |
| 4.  | <u>Syor pelaburan VC, PE dikecualikan cukai</u>            | Berita Harian     | Rujuk lampiran 4     |
| 5.  | <u>Langkah jangka panjang selesai isu</u>                  | Berita Harian     | Rujuk lampiran 5     |
| 6.  | <u>Tiada kaitan najis burung</u>                           | Sinar Harian      | Rujuk lampiran 6     |
| 7.  | <u>VCCs may get tax exemption after 3 years</u>            | New Straits Times | Rujuk lampiran 7     |
| 8.  | <u>MB nafi tidak turun Pasir Gudang</u>                    | Utusan Malaysia   | Rujuk lampiran 8     |
| 9.  | <u>Drier days ahead as southwest monsoon nears</u>         | The Star          | Rujuk lampiran 9     |
| 10. | <u>Big step to curb climate change</u>                     | The Star          | Rujuk lampiran 10    |



## TEMPATAN

| Bil | Berita   | Media             | Capaian Berita Penuh |
|-----|--|-------------------|----------------------|
| 11. | <u>Industry 4.0: A New Form of Inequality?</u>                   | New Straits Times | Rujuk lampiran 11    |
| 12. | <u>Get tough with polluters</u>                                  | The Sun Daily     | Rujuk lampiran 12    |
| 13. | <u>Malaysia kekal kedudukan ke-35 Indeks Inovasi Global 2019</u> | Utusan Malaysia   | Rujuk lampiran 13    |
| 14. | <u>Sekolah perlu peka aspek kebersihan</u>                       | Sinar Harian      | Rujuk lampiran 14    |
| 15. | <u>Najis merpati boleh bawa penyakit</u>                         | Sinar Harian      | Rujuk lampiran 15    |
| 16. | <u>Najis burung tiada kaitan gangguan kesihatan</u>              | Utusan Malaysia   | Rujuk lampiran 16    |
| 17. | <u>Ambil masa seminggu reka b-bot</u>                            | Harian Metro      | Rujuk lampiran 17    |
| 18. | <u>Didik masyarakat cintai alam sekitar</u>                      | Harian Metro      | Rujuk lampiran 18    |
| 19. | <u>'Involve public in river management'</u>                      | The Star          | Rujuk lampiran 19    |
| 20. | <u>Gold rating for green auto centre</u>                         | The Star          | Rujuk lampiran 20    |
| 21. | <u>AI in the kitchen</u>   | The Star          | Rujuk lampiran 21    |



## ANTARABANGSA

| Bil | Berita  | Media         | Capaian Berita Penuh |
|-----|---|---------------|----------------------|
| 22. | <u>Meteorit 15 kilogram terhempas di bendang</u>  | Berita Harian | Rujuk lampiran 22    |
| 23. | <u>iSpace lancar satelit milik China ke orbit</u> | Berita Harian | Rujuk lampiran 23    |
| 24. | <u>Suhu panas punca kemarau di Eropah</u>         | Berita Harian | Rujuk lampiran 24    |
| 25. | <u>Korea Utara uji misil jenis baharu</u>         | Kosmo!        | Rujuk lampiran 25    |
| 26. | <u>Musim kemarau</u>                              | Harian Metro  | Rujuk lampiran 26    |
| 27. | <u>Eropah diancam suhu panas</u>                  | Kosmo!        | Rujuk lampiran 27    |



**LAMPIRAN 1**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)**

### Laporan pencemaran bukan sengaja dilewatkan

**KUALA LUMPUR** - Hasil laporan analisis pencemaran udara di Pasir Gudang bukan 'sengaja' dilewatkan, jelas Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis.

Tegasnya, kajian mengenai perkara itu masih berjalan sehingga kini bagi mendapat keputusan dan hasil laporan yang lebih menyeluruh dan terperinci.

"Kita tidak dapat mengetahui punca pencemaran di Pasir Gudang sehingga sekarang, bukan seperti pencemaran Sungai Kim Kim yang kita tahu punca," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Datuk Ong Chong Swen yang ingin tahu mengapa kerajaan masih memerlukan masa sehingga enam minggu dari tarikh lantikan jawatankuasa teknikal dan saintifik kajian analisis beban dan kapasiti tampungan dilantik 15 Julai lepas untuk mengeluarkan laporan awal.

Pada 20 Jun lepas, 15 pelajar Sekolah Agama Taman Mawar, Pasir Gudang didapati mengalami simptom muntah-muntah dan sesak nafas selepas terdedah dengan pencemaran udara di kawasan berkenaan. - *Bernama*



**LAMPIRAN 2**  
**BERITA HARIAN (MINDA PENGARANG): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)**

## **Kuasa bertindih punca cari salah orang**

**Sudah** sampai masanya kerajaan melihat peruntukan atau akta khusus berkaitan alam sekitar untuk menutup setiap ruang lompong dalam perundangan sedia ada. Dengan kes di Pasir Gudang yang seolah-olah tidak berkesudahan serta terbaru pencemaran Sungai Selangor akibat perbuatan khianat, usaha positif ke arah itu harus segera digerakkan.

Itu dari segi akta, belum masuk lagi soal bidang kuasa antara jabatan dan agensi tertentu yang dilihat banyak berkait atau bertindih antara satu sama lain. Isu berkaitan alam sekitar sebagai contoh, ada dipantau Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan ada juga di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT). Kita setuju lebih ramai pantau lebih baik, namun kita kawatir andai semua jabatan atau agensi terbabit saling berharap antara satu sama lain, akhirnya tiada satu pun yang akan ambil tahu.

Kebimbangan mengenai pertindihan bidang kuasa ini sebenar berlaku dalam banyak perkara. Terbaru kes kemalangan maut di laluan motosikal, siapa yang sebenarnya pantau keadaan laluan ini sama ada ia selamat untuk digunakan atau tidak. Soal penyelenggaraan pula, siapa yang bertanggungjawab?

Pertindihan bidang kuasa sebeginilah yang mengundang sikap tuding-menuding apabila berlaku musibah atau kemalangan. Perlu diingat isu alam sekitar atau laluan motosikal hanya sebahagian dan banyak lagi isu lain dibebani pertindihan bidang kuasa dan perlu diteliti. Justeru, perlu ada penyelarasan tugas dan bidang kuasa yang jelas dalam setiap isu agar pemantauan dan penguatkuasaan mudah dilakukan.



LAMPIRAN 3  
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 3  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

## Najis burung merpati bukan punca gangguan kesihatan



DZULKEFLY

PETALING JAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan dakwaan pencemaran najis burung merpati mungkin menjadi antara faktor sampingan menyebabkan insiden gangguan kesihatan di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, Johor baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, KKM bersama Kementerian Tenaga, Sains,

Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah memberi analisis dan mengemas kini hasil dapatan daripada kejadian pencemaran itu.

"Kita kembali apa yang kami sebutkan, tanpa mengganggu (menghalang) sesiapa pun untuk berikan komen dan pandangan mereka.

"Jadi, pandangan kami sehingga hari ini, kita tidak mendapati pencemaran ini ada kaitan dengan najis

burung," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kempen Kurangkan Gula, Hidup Sihat anjuran sebuah pasar raya di Subang Jaya semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd. Khuzzan Abu Bakar ketika tinjauannya Selasa lalu berkata, kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan insiden murid SK Tanjung Puteri Resort yang mengalami

sesak nafas dan muntah-muntah yang berulang turut berpunca daripada pencemaran najis dan hama burung merpati di beberapa bilik darjah sekolah terbabit.

Dalam pada itu, Dzulkefly berkata, siasatan yang dilakukan turut melibatkan sebuah jawatankuasa pakar bebas untuk menyiasat serta mendapatkan analisis dan dapatan yang pelbagai berhubung insiden pencemaran tersebut. - Bernama





LAMPIRAN 4  
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 29  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

## Syor pelaburan VC, PE dikecualikan cukai

**Kementerian** Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) berharap pengecualian cukai pendapatan sebanyak RM20 juta untuk pelaburan modal teroka (VC), dana VC atau ekuiti swasta (PE) yang dicadangkan dalam Belanjawan 2018, diwartakan hujung tahun ini.

Menterinya, Yeo Bee Yin berkata kementerian itu bekerjasama dengan Kementerian Kewangan (MoF) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk menyerahkan

cadangan itu kepada Kabinet dalam tempoh dua minggu.

Beliau berkata, cadangan itu diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan akan dilaksanakan oleh SC sebaik sahaja diluluskan oleh Kabinet.

VC, dana VC dan PE diletakkan di bawah SC.

"Dengan adanya perwartaan itu, syarikat korporat dan swasta yang melabur dalam instrumen ini, akan mendapat insentif cukai selepas tiga tahun dan bukan selepas keluar dari pelaburan," ka-



Yeo Bee Yin

tanya dalam ucapan pada Persidangan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Asia Tenggara 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau juga berkata syarikat VC (dana) yang boleh menawarkan insentif itu, perlu berdaftar dengan SC pada 31 Disember 2019.

"Insentif ini boleh dituntut bagi pelaburan yang dibuat sehingga 2023, dengan tempoh insentif bermula pada tahap pertama pensijilan, oleh SC," katanya.

Sementara itu, Bee Yin berkata

kementerian itu sedang melalui penstrukturan semula, menyediakan kertas Kabinet yang akan dibentangkan pada masa yang sama mengenai penyusunan semula dan penyatuan lima agensi di bawahnya.

Agensi itu ialah Cradle Fund Sdn Bhd, Malaysia Debt Ventures Bhd, Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap), Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd.

BERNAMA



LAMPIRAN 5  
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 20  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

Susulan akta alam sekitar lompong

# Langkah jangka panjang selesai isu

JAS, MESTECC  
sasar pindaan  
dibentang  
di Parlimen  
sebelum  
akhir tahun

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim MESTECC sedang menggubal

Akta Perlindungan Alam Sekitar (APAS) bagi menambah baik akta sedia ada sebagai langkah penyelesaian jangka panjang kepada isu alam sekitar.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam, MESTECC menyasarkan pindaan akta itu dapat dibentangkan di Parlimen sebelum akhir tahun ini.

“Pindaan berkenaan akan mengambil kira tempoh dan jumlah denda yang lebih berat akan dikenakan terhadap pelaku yang tidak bertanggungjawab mencemarkan alam sekitar,” katanya.

*BH* dalam laporannya semalam mendedahkan MESTECC perlu meminda akta berkaitan alam sekitar supaya lebih relevan dalam

keadaan semasa terutama selepas kes pembuangan sisa kimia berbahaya di Sungai Kim Kim, Mac lalu.

Pengarah JAS Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, mengakui akta berkenaan alam sekitar sedia ada mempunyai kelemahan dan kelonggaran sehingga tidak menyelesaikan sepenuhnya isu pencemaran yang berlaku di dalam negara.

Sementara itu, JAS memaklumkan pihaknya sedang mengemukakan permohonan untuk perolehan peralatan pengawasan kualiti udara bagi gas toksik dan *total volatile organic compounds* (TVOC) kepada MESTECC bagi meningkatkan keupayaan pemantauan pencemaran di selu-

ruh negara.

Katanya, keupayaan peralatan perlu ditambah atau dilengkapkan bagi membolehkan jabatan berkenaan menyiasat dan mencerap gas toksik atau berbahaya.

“JAS berterima kasih kepada *BH* yang banyak melaporkan isu berkaitan alam sekitar yang kini menjadi perhatian umum.

“Sebenarnya, dakwaan mengatakan JAS tiada bidang kuasa, termasuk menyiasat atau mencerap kehadiran gas kimia berbahaya di persekitaran Pasir Gudang adalah tidak tepat, sebaliknya kita sedang memohon peralatan diperlukan untuk memantau pencemaran di seluruh negara,” katanya.



LAMPIRAN 6
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

Tiada kaitan najis burung

KKM nafi dakwaan najis burung merpati punca gangguan kesihatan

PETALING JAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan dakwaan pencemaran najis burung merpati mungkin antara faktor sampingan menyebabkan insiden gangguan kesihatan di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini. Menteri, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, KKM bersama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah memberi analisis dan mengemas kini hasil dapatan daripada kejadian pencemaran itu.

"Kita kembali apa yang kami sebutkan, tanpa mengganggu (menghalang) sesiapa pun untuk berikan komen dan pandangan mereka. "Jadi pandangan kami sehingga hari ini, kita tidak mendapati (pencemaran ini ada kaitan dengan najis burung). Fenomena ini kami akan terus pantau," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kempen Kurangkan Gula, H i d u p

PENCEMARAN UDARA DI PASIR GUDANG

Sihat anjuran sebuah pasar raya di Subang Jaya semalam. Exco Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar ketika tinjauannya dua hari lepas berkata, kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan insiden murid SK Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, mengalami sesak nafas dan muntah-muntah yang berulang turut berpunca daripada pencemaran najis dan hama burung merpati di beberapa bilik darjah sekolah tersebut. Sebelum ini, media melaporkan sembilan kes baharu sesak nafas dilaporkan di Pasir Gudang membabitkan pelajar dan seor-



Najis, hama merpati jadi punca

Rawatan bujukan sebagai langkah awal. PANEKELI LANG. Gangguan kesihatan akibat pencemaran udara di Sekolah Perintis Bandar Langkat, Medan, Sumatera Utara. Najis burung merpati dan hama burung yang berterbangan di kawasan tersebut menyebabkan sesak nafas dan muntah-muntah pada beberapa murid di Sekolah Perintis Bandar Langkat, Medan, Sumatera Utara. Pihak sekolah telah mengambil langkah awal dengan melakukan rawatan bujukan kepada murid-murid yang mengalami masalah kesihatan tersebut. Pihak sekolah juga telah mengambil langkah untuk membersihkan kawasan tersebut daripada najis burung merpati dan hama burung yang berterbangan.

Laporan Sinar Harian pada 24 Julai lalu.

rang guru dari empat sekolah termasuk di SK Tanjung Puteri Resort, yang dirawat sebagai pesakit luar. Dr Dzulkefly berkata, pihaknya turut melibatkan sebuah jawatankuasa pakar bebas untuk menyalisat serta mendapatkan analisis dan dapatan yang pelbagai berhubung insiden pencemaran tersebut. "Kita akan membandingkan hasil dapatan mere-

ka dengan pihak kita. Ia bergantung kepada secepat mana mereka lakukan dan saya jangka hasil dapatan mereka akan siap hujung bulan ini," katanya. Dalam perkembangan lain beliau berkata, ibu bapa dinasihatkan untuk mengelakkan anak mereka daripada mengambil minuman manis terutama minuman teh gelembung (bubble tea) yang mencetuskan fenome-

na ketika ini. "Bubble tea mempunyai lebih gula yang tinggi. Kalau tak silap saya setiap 500 mililiter (ml) minuman mengandungi kira-kira 20 sudu teh gula, sementara yang dibenarkan adalah lapan (sudu teh) untuk pengambilan sehari," katanya. Katanya, setakat ini kerajaan belum bercadang mewujudkan mekanisme untuk menghentikan kegiatan rakyat Malaysia terhadap minuman bubble tea. "Jika ada keperluan untuk mengadakan pertemuan dengan peniaga, kita akan melakukannya. Tetapi buat masa ini belum ada perancangan untuk itu lagi. "Bubble tea merupakan minuman yang popular buat masa ini, tetapi saya berharap rakyat Malaysia akan membuat keputusan yang lebih bijak apabila berkaitan pengambilan minuman yang tinggi gula," katanya.



LAMPIRAN 7  
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS / NEWS): MUKA SURAT 20  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

INVESTMENT PERIOD

# VCCs MAY GET TAX EXEMPTION AFTER 3 YEARS

Minister hopes Securities Commission can implement incentives by year-end

OOI TEE CHING  
KUALA LUMPUR  
bt@mediaprima.com.my

THE government is going to allow venture capital companies (VCCs) be tax-exempted after three years of investments.

Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said currently, VCCs were eligible for a tax exemption of up to RM20 million a year only upon exit of their investments.

This usually takes between eight and 10 years.

The tax exemption is for money spent on management and performance fees as well as income from profit-sharing received from investments made by VCCs.

Two months ago, the Finance Ministry had approved the tax incentives to be made available to companies and individuals after three years of investments.

"My ministry is in talks with the Finance Ministry to have this three-year investment period gazetted. After that, it's for the Securities Commission to implement, hopefully by year-end," she said after the opening of the Southeast Asia Capital & Private



Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin (centre) at the Southeast Asia Capital & Private Equity Conference 2019 in Kuala Lumpur yesterday, PIC BY MOHAMAD

SHAHRIIL BADRI SAALI

Equity Conference 2019, here, yesterday.

The conference was organised by the Malaysian Venture Capital & Private Equity Association.

"We want to incentivise more private financing into green projects."

Yeo said her aspirations were to

have more venture capitalists and private equity investors put their money in renewable energy projects and energy-efficiency initiatives.

Agencies that accord funds for business ventures under the purview of the ministry are

Malaysian Technology Develop-

ment Corp, Malaysian Debt Ventures Bhd, Malaysia Venture Capital Management Bhd, Cradle Fund Sdn Bhd and Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd.

The five agencies would soon be consolidated to raise their effectiveness in spurring growth for the industry, said Yeo.



LAMPIRAN 8  
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13  
 TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# MB nafi tidak turun Pasir Gudang

Oleh MOHD. KHAIRUL  
 MOHD. ALI  
 pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 25 JULAI

**M**ENTERI Besar, Datuk Dr. Sahrudin Jamal hari ini menafikan dakwaan beliau tidak turun ke kawasan pencemaran di Pasir Gudang.

Dr. Sahrudin menegaskan, dakwaan itu tidak benar malah pihaknya sentiasa memantau situasi pencemaran udara di Pasir Gudang secara berterusan selain sudah mengambil langkah-langkah pencegahan sewajarnya.

"Jika ada pihak kata tidak turun padang, itu silap kerana saya ada turun, Exco kerajaan negeri juga turun malahan bukan seorang tetapi tiga orang.

"Selain itu ketua jabatan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri dan



**SAHRUDDIN JAMAL (kiri)** melakukan gimik perasmian Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar (KPPSI) di Johor Bahru, Johor, semalam. Turut hadir Mohd. Khuzzan Abu Bakar (dua dari kiri) dan Ketua Pengarah Penyiaran, Abdul Muis Sheffi (dua dari kanan) - UTUSAN/ BAAZLAN IBRAHIM

Pegawai Daerah juga kerap membuat lawatan. Semua maklumat disampaikan kepada

saya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika meng-

hadiri Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar (KPPSI) di kompleks itu, di sini hari ini.

Ketika ditanya berhubung tindakan beberapa mangsa pencemaran Pasir Gudang yang mahu mengemukakan saman kepada beliau dan kerajaan negeri, Dr. Sahrudin memberitahu perkara itu merupakan hak mereka.

"Itu hak mereka, kerajaan negeri akan mengambil langkah yang perlu berhubung perkara tersebut," katanya.

Sementara itu, Dr. Sahrudin turut menasihati pihak sekolah untuk menjaga kebersihan persekitaran agar tidak menjejaskan murid, lebih-lebih lagi dengan insiden yang berlaku di Pasir Gudang.

Katanya, sewaktu lawatan dibuat di Sekolah Kebangsaan

Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang baru-baru ini, terdapat banyak najis burung merpati di sebuah kelas sekolah berkenaan.

"Bacaan udara yang diambil normal, ada kemungkinan najis dan hama burung merupakan faktor murid berasa mual dan loya pada ketika itu.

"Takkanlah pihak sekolah membiarkan sahaja keadaan itu, mereka boleh usahakan kerja pembersihan secara gotong-royong atau meminta bantuan pihak berkuasa tempatan," katanya.

Pada 23 Julai lalu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Mohd. Khuzzan Abu Bakar memberitahu terdapat kemungkinan bau najis burung itu dan hamanya menjadi faktor murid di sekolah berkenaan mengalami simptom sesak nafas dan muntah berterusan.



LAMPIRAN 9  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 5  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

## Drier days ahead as southwest monsoon nears

**PETALING JAYA:** Malaysians should brace themselves for dry days ahead due to the onset of the southwest monsoon, said the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia).

The southwest monsoon started on May 6 and is expected to continue until the middle of September.

During this period, the winds would lead to a drier climate and less rain cloud formation, said MetMalaysia director-general Jailan Simon.

"As such, many states will experi-

ence more days without rain.

"However, during the monsoon break, which the country is undergoing at the moment, there will be changes in the wind direction which causes rain and thunderstorms over the short period of time in the evenings and nights, especially in Peninsular Malaysia, west and north of Sarawak, as well as western Sabah," Jailan said in a statement yesterday.

He said Malaysia is expected to experience temperatures between 31°C and 34°C.

Jailan also said that based on observations up to Tuesday, the country will not experience any heatwave and is expected to remain that way for the next week.

MetMalaysia said the heatwave in Malaysia is categorised according to several criteria.

Stage one is when the temperatures are between 35°C and 37°C while stage two is when temperatures are between 37°C and 40°C for three consecutive days.

Stage three is when temperatures are above 40°C for three days

in a row.

The United Kingdom is experiencing its hottest days, with temperatures up to 39°C in southern and eastern England.

Europe has also not been spared from the dry spell as many countries there are experiencing heat waves, with Belgium, Germany and the Netherlands all recording highest ever temperatures on Wednesday.

A red alert was also issued in northern France, with a temperature of 41°C forecast in Paris.



LAMPIRAN 10  
THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 27  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Big step to curb climate change

WHETHER it is due to water or electricity cuts, Malaysians are now being compelled to examine the way we generate and use the energy, water and other resources available to us. With regard to energy, how can Malaysians take further proactive action to encourage more efficient use of it?

Total energy consumption in this country is high as subsidies are being extended to consumers. As much as RM14.5bil was spent in 2011 alone to buy fossil fuels to generate energy. As Malaysia moves towards becoming a high-income nation, energy usage is also expected to increase. More than that, as the standard of living and population increase, the demand for energy will continue to skyrocket.


According to the World Energy Markets Observatory (WEMO) 2017 report, Malaysia's energy usage is projected to increase by 4.8% right up to 2030. As it is, in 2017 alone, over RM15.1bil was spent to power up cities in the peninsula, which has an estimated 8.5 million consumers.

Malaysia is still a long way from being energy-efficient, hence there is a need for a systematic approach towards energy efficiency. Beyond the government, regulators and business owners, the public can also take action to reduce excessive energy consumption.

Business owners can take cues from the government and design sustainable buildings or, even better, retrofit existing ones to optimise energy usage.

According to the Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Ministry, 50% of the total electricity used in Malaysia can be accounted for by buildings alone, especially in the hotel industry. This highlights a vast potential for energy optimisation and cost-saving.

For hotels in particular, energy consumption contributes a signifi-



cant percentage to the operating costs with the majority being attributed to temperature regulation. Not surprisingly, it takes a massive amount of energy to power all those guest rooms!

Due to the high-room volumes, wasteful in-room consumption, such as blasting the air conditioners to the absolute minimum of 16°C, turning on all electrical appliances in empty rooms and excessively using the heater and hot water facilities, needs to be carefully tracked and prudently managed.

In order to mitigate energy waste and optimise energy use, hotel operators often turn to technology for help. Installation of high-performance mechanical systems and appliances is one way to ensure that their buildings can be properly managed, and that energy efficiency requirements are being met.

In fact, just using more energy-efficient light bulbs, heaters or air-conditioning systems can have large impacts on saving energy and costs, with high returns in the long run.

Given that buildings account for approximately a third of the total

global energy consumption and carbon emissions, optimising the energy efficiency of buildings is one of the most impactful ways to curb climate change.

With the increasingly massive changes in the global climate, we must also change the way we view the world around us and start thinking about the bigger picture: "How can my energy use impact the way I live in 50 years to come?"

SAIKRISHNAN  
RANGANATHAN

Smart energy management



EMAIL editor@thestar.com.my

MAIL The Editor,  
Menara Star, 15,  
Jalan 16/11, Section 16,  
46350 Petaling Jaya.

Letters must carry the sender's full name, address and telephone number. A pseudonym may be included.



LAMPIRAN 11  
NEW STRAITS TIMES (OPINION): MUKA SURAT 62  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)



DR IRWAN  
SHAH ZAINAL  
ABIDIN

A NEW BEGINNING?

# INDUSTRY 4.0: A NEW FORM OF INEQUALITY?

The past three industrial revolutions contributed to wealth disparity which spread all over the world

**I**T seems much intellectual and public discourse in Malaysia today revolves around Industry 4.0, or the Fourth Industrial Revolution.

While many aspects of Industry 4.0 have been debated, allow me to contribute a bit about this issue, by focusing on the possible effects of a new form of inequality in society.

The economic inequality — wealth and income — that is affecting Malaysian society today is a result of the past three Industrial Revolutions which started more than 150 years ago in England.

Now, the fourth wave of the revolution is here with us, hence Industry 4.0.

These new technologies will certainly impact all aspects of our lives.


Imagine being able to live forever. Google has already embarked on this project and is upbeat about its prospects. Google's Ray Kurzweil believes that by 2029, humans could have a choice to be immortal, thanks to the nanotechnology revolution, where the creation of nano-bots makes it possible to augment our immune system and recognise diseases and deal with them before it is too late.

And mind you, this is not just about living longer, but also having all the health, youth and vitality of life. In other words, it is not just about life extension, but also life expansion.

Imagine the creation of all-powerful algorithms which will take care of all your wants and needs for the rest of your life, as 'they' know you much better than you know yourself.

No more dealing with the misery of making wrong decisions in life.

From mundane matters like what movie to watch and what books to read, to important decisions such as what to study,



When most jobs, both physical and cognitive, are automated, when humans no longer decide for themselves what is right and good, what then, is the meaning of life?

which career to take and whom to marry, these algorithms will help you.

"They" can also be your life companion. No more stress from relationship issues, since the algorithms will be programmed to be focused on you, your feelings and nothing else, one hundred per cent.

Imagine the application in the legal, financial and healthcare sectors.

Perhaps corruption can be easily weeded out with AI taking charge of making decisions in the public service sector.

And in the legal profession, imagine brain scans being used to reveal lies and deceptions!

In the financial sector, even today, most financial trading is managed by computer algorithms.

Why need humans when AI can process and analyse financial da-

ta in mere seconds?

Why learn about stocks or foreign exchange markets when AI can do that for you faster and with a higher level of accuracy?

And in the healthcare industry, algorithms will become your all-knowing health service, shielding you from critical illnesses, such as cancer, stroke and heart disease.

Remember IBM's Watson? An AI which can diagnose diseases?

Imagine, the creation of IoT and its application in the education and security sectors.

Digital teachers not only impart knowledge, but in the process also understand you and know your personality better than you do.

They will use a method which suits your personality to optimise teaching and learning.

So, having imagined all these as possible outcomes of Industry

4.0, would life not be great?

On the surface, perhaps yes. But I foresee, if we don't take the necessary measures today, a major threat could emerge in the form of inequality.

Surely, only a small class of elites would benefit from this new technology, for instance, in terms of 'upgrading' humans to immortality.

Then what will happen to the rest of the population?

When most jobs, both physical and cognitive, are automated, when humans no longer decide for themselves what is right and good, what then, is the meaning of life?

Are we ready for this new form of inequality?

The writer is associate professor of Economics, School of Economics, Finance and Banking, Universiti Utara Malaysia

**But I foresee, if we don't take the necessary measures today, a major threat could emerge in the form of inequality.**

LAMPIRAN 12  
THE SUN DAILY (SPEAK UP): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Get tough with polluters

**W**ITH the outrage over Sungai Kim Kim in Johor and now, Sungai Selangor in my home state, perhaps we should take a different tact when dealing with any factory near a river.

I suggest the government scrutinise every factory near a river with the same diligence that it has done for the Lynas Advanced Material Plant.

Why not? If we read the special report by a news portal on the rivers of Johor, this issue has been prolonged for far too long and many rivers are polluted. Every factory near a river or any facility that discharges waste into a river should face the same questions and quality tests.

Thus, it is time that every factory and industry near a river face the same outrage and fear as Lynas does. Let all the factories be scrutinised by NGOs on what they discharge or dispose as waste.

The Australian rare earth plant has received brickbats for everything from storage of waste material, hindrances to recycling their waste, and accusations of poisoning.

The company even had to have public hearings with the local community to explain their systems and have the government explain the scientific and environmental impact of its operations.

Yet the factories in Pasir Gudang have escaped the same scrutiny.



It is not the same level of scrutiny focused on sand mining by a state-owned company that spilled diesel into the river in Selangor and polluted water supply in the Greater Klang Valley.

And we can be sure it is not the same level of scrutiny applied to the factories in Kedah, which is now lamenting how its rivers are seeing an increase in pollution.

It is time that all factories along rivers, and those accused of polluting the environment face the same level of scrutiny.

River pollution in Malaysia is caused by two things: factory discharge, and litterbugs who don't understand the use of a rubbish bin or the need to call waste disposal services to clear bigger waste.

When factories that discharge filtered waste water into rivers skip a step or don't strictly follow the rules, rivers are polluted. This, as well as the inability of government agencies to trace the source pollution to hold accountable those responsible has raised the ire of the public.

To effectively monitor each factory, it must be made mandatory for all these factories to have automated and centrally monitored sensors linked to state environmental agencies.

Affected factories will complain of the cost and the government may have to

help install and maintain the sensors.

Or, the government could offer a tax break for the first two years.

Having effective monitoring systems and the internet of things would allow the government to identify the culprits and punish them. Factories that continue to pollute after warnings and fines should be closed down.

The Malaysian Anti-Corruption Commission and the government are pushing to amend laws to compel companies to show who receives the profits from business ventures. This would help trace the ownership of factories (legal and illegal) near rivers.

There is the allegation that some errant companies are "protected" and any action against them is side tracked. To tackle this, government will need to rely on civil society, the media and society as a whole to step up and put pressure on those protecting polluters.

With enough pressure from the ground, the government will have to act against the polluters.

While educational campaigns are good for general society, it does not work for errant factories. Such factories only make corrections when its managers and owners are punished with hefty fines, shutdowns. Laws should be amended to make the guilty parties pay for the cleanup and damages; victims must be compensated.

**Comments:** [letters@thesundaily.com](mailto:letters@thesundaily.com)



LAMPIRAN 13  
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 36  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Malaysia kekal kedudukan ke-35 Indeks Inovasi Global 2019

**KUALA LUMPUR 25 Julai** - Malaysia menduduki tempat kelapan di rantau Asia Tenggara, Asia Timur dan Oceania selepas New Zealand dan mengekalkan kedudukan ke-35 dalam Indeks Inovasi Global (GII) 2019.

Menurut laporan GII, Malaysia masih menjadi antara negara berpendapatan pertengahan yang berusaha merapatkan jurang inovasi, disokong kedudukan petunjuk pertamanya seperti eksport bersih teknologi tinggi dan eksport barangan kreatif.

Katanya, kedudukan Malaysia meningkat bagi empat daripada tujuh tonggak GII iaitu institusi (ke-40), infrastruktur (ke-42), sofistikated perniagaan (ke-36) dan keluaran kreatif (ke-44), menurut kenyataan bersama dikeluarkan INSEAD, Pertu-

buhan Hartanah Intelek Dunia (WIPO) dan Cornell University.

“Dari aspek petunjuk, peningkatan paling ketara adalah kualiti universiti dengan Malaysia di kedudukan ke-17 tahun ini manakala Perbelanjaan Domestik Kasar bagi Penyelidikan dan Pembangunan (GERD) yang dilaksanakan perniagaan serta GERD yang dibiayai perniagaan masing-masing di kedudukan ke-25 dan ke-16.

“Bagi beberapa petunjuk lain, Malaysia merupakan antara 10 negara teratas dari segi graduan dalam sains dan kejuruteraan (kelapan), kerjasama penyelidikan antara universiti (kelapan), tahap pembangunan kluster (kelapan) dan beberapa pemboleh berkaitan perdagangan seperti import teknologi tinggi dan eksport

bersih teknologi tinggi serta eksport produk kreatif,” menurut pihak berkenaan.

GII, yang diterbitkan bersama oleh INSEAD, WIPO, agensi khusus Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Cornell University, merupakan kaedah penandaaras terkemuka bagi eksekutif perniagaan, penggubal dasar dan lain-lain untuk mendapatkan perkembangan mengenai tahap inovasi di seluruh dunia.

Menurut laporan itu, tahun ini, seperti pada tahun lepas, semua ekonomi di rantau Asia Tenggara, Asia Timur dan Oceania berada di kedudukan 100 teratas indeks berkenaan.

Katanya, kesemua ekonomi di rantau ini kecuali Kemboja dan Brunei juga berada di dalam 100 teratas Sub-Indeks Output Inovasi dan Input Inovasi.





**LAMPIRAN 14**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10**  
**TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)**

**Sekolah perlu peka aspek kebersihan**

**JOHORBAHRU** - Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahruddin Jamal mahu semua pihak terutama pengurusan sekolah dan ibu bapa peka terhadap aspek kebersihan.

Peringatan tersebut diberikan susulan pencemaran najis burung merpati yang berkemungkinan antara faktor menyebabkan insiden gangguan kesihatan di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort.

Menurutnya, sejak hari pertama dilantik sebagai

Exco Kerajaan Johor, beliau sentiasa menekankan keutamaan berhubung aspek kebersihan dan kesihatan.

“Sekurang-kurangnya adakan gotong-royong. Mungkin kalau ibu bapa tidak mampu gotong-royong, panggil pihak PBT (pihak berkuasa tempatan).

“Panggil pihak Jabatan Pendidikan untuk kita bersama bergotong-royong menjaga kebersihan,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Perasmi-

an Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar serta Pelancaran Penjenamaan Segmen Yok Ngeteh di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tinjauan Exco Kerajaan Johor di SK Tanjung Puteri Resort yang mendapati antara faktor sampingan menyebabkan insiden gangguan kesihatan adalah pencemaran najis burung merpati.



LAMPIRAN 15  
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

## Najis merpati boleh bawa penyakit

SHAH ALAM - Burung liar yang membuat sarang dalam bangunan termasuk merpati boleh membawa penyakit berjangkit kepada manusia menerusi timbunan najis lama yang terbiar kering.

Doktor Perubatan Veterinar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr Azhar Kasim** berkata, najis merpati yang kering akan ditumbuhi kulat serta menghasilkan debu yang akan berapung jika terdapat pergerakan udara.


Beliau berkata, debu itu kemudiannya akan masuk ke dalam sistem pernafasan dan seterusnya boleh menjangkiti manusia.

"Kebiasaannya mereka yang mempunyai daya imuniti rendah serta mempunyai penyakit asma atau alergi lebih berisiko untuk dijangkiti.

"Kebanyakan kes berkaitan najis merpati ini berlaku di luar negara dan melibatkan jangkitan pada paru-paru serta sistem saraf manusia. Tapi di Malaysia setakat ini, belum ada kes direkodkan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* se-



DR AZHAR



DR FITTER

malam.

Namun begitu katanya, perkara itu tidak boleh diambil ringan kerana pada masa kini sesiapa sahaja mudah terdedah kepada pelbagai penyakit.

"Apa yang penting, sebarang penyakit boleh dielakkan apabila kita menjaga kebersihan.

"Kita tak boleh salahkan burung, sebab bukan salah mereka tapi salah manusia kerana tidak jaga kebersihan," katanya.

Sementara itu, Doktor Kesihatan Pekerjaan, KPJ Kajang Specialist Hospital, **Dr Fitter Baharom** memberitahu, kulat yang terhasil

daripada najis merpati yang kering dikenali sebagai histoplasmosis dan cryptococcosis boleh menjangkiti sistem pernafasan (paru-paru) dan boleh merebak ke sistem-sistem lain.

"Histoplasmosis diketahui boleh mengakibatkan maut walaupun jarang sekali berlaku.

"Simptom bagi jangkitan ini biasanya adalah batuk, demam atau selesema. Jarang sekali sesak nafas kecuali jangkitan yang telah lama. Bagi kes di sekolah di Johor itu, ia berlaku agak akut (mendadak), yang mana susah untuk dikaitkan dengan jangkitan penyakit," katanya.



LAMPIRAN 16  
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13  
 TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Najis burung tiada kaitan gangguan kesihatan

**PETALING JAYA 25 Julai** - Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan dakwaan pencemaran najis burung merpati mungkin antara faktor sampingan menyebabkan insiden gangguan kesihatan di Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, Johor, baru-baru ini.



Menterinya, **DZULKEFLY** Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, KKM bersama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah memberi analisa dan mengemas kini hasil dapatan daripada kejadian pencemaran itu.

“Kita kembali apa yang kami sebutkan, tanpa mengganggu (menghalang) sesiapa pun untuk berikan komen dan pandangan mereka.

“Jadi pandangan kami sehingga hari ini, kita tidak mendapati (pencemaran ini ada kaitan dengan najis burung). Fenomena ini kami akan terus pantau,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Kempen Kurangkan Gula, Hidup Sihat anjuran sebuah pasar raya di Subang Jaya hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd, Khuzzan Abu Bakar ketika tinjauannya dua hari lepas

berkata, kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan insiden murid SK Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, mengalami sesak nafas dan muntah-muntah yang berulang turut berpunca daripada pencemaran najis dan hama burung merpati di beberapa bilik darjah sekolah terbabit.

Sebelum ini, media melaporkan sembilan kes baharu sesak nafas dilaporkan di Pasir Gudang membabitkan lapan pelajar dan seorang guru dari empat sekolah termasuk di SK Tanjung Puteri Resort, yang dirawat sebagai pesakit luar.

Dr. Dzulkefly berkata, pihaknya turut melibatkan sebuah jawatankuasa pakar bebas untuk menyiasat serta mendapatkan analisis dan dapatan yang pelbagai berhubung insiden pencemaran tersebut.

“Kita akan membandingkan hasil dapatan mereka dengan pihak kita. Ia bergantung kepada secepat mana mereka lakukan dan saya jangka hasil dapatan mereka akan siap hujung bulan ini,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pasukan forensik KKM akan merumuskan punca kematian 12 Orang Asli suku Bateq di Kampung Kuala Koh, Kelantan, pada hari ini. - **BERNAMA**

PEGA

## Untuk Jual

Menghubungkan Anda Dengan

PANGSAPURI  
**MIDAS**

PEMBELI BUMIPUTERA PERLU RUJUK KE WEBSITE SUKJ PERUMAHAN (<http://erum>)

**BLOK A**

**BLOK B**

- ◆ Jumlah Baki Unit Bumiputera
- Blok A dan Blok B**
- ◆ Harga Minimum: **RM 2**
- Harga Maksimum: **RM**
- (Merujuk kepada harga Bumiputera)
- Blok A dan Blok B**
- ◆ Keluasan Minimum/ Mak

To Sutera Mall To Senai / KL

Jalan Cemerlang

TAMAN PERLING

GPS CODE: W

Pemaju

**Midas Season Sdn. Bhd.** (1052734-V)

(Anak syarikat Northstar Trustee Sdn Bhd)

PID 135628, Perumahan Perling, Taman Perling, 81200 Johor Bahru, Johor. Fax: 07/231 5500

Pejabat Jualan Dibuka Pada Setiap Hari

**Isnin-Jumaat : 9.00am - 6.00pm**

**Sabtu-Ahad : 10.00am - 6.00pm**

**Cuti Umum : 10.00am - 5.00pm**

untuk Sebarang Pertanyaan

# 07 231

Lesen Pemaju: 14031-1/07-2020/01892 (L) . Tempoh sah: 10/07/2019 hingga 09/07/2020 . Pegangan Tanah: Pegangan Berhad . Development Bank Bhd . No Rujukan Kelulusan Pelesenan Bangunan: MPJBT(JB)RP/8/25/2017 . Pihak Berkuasa yang meluluskan: Puteri . Harga Minimum RM399,100.00 . Harga Maksimum RM662,400.00 . Bumiputera 15% diskaun . Dijangka

LAMPIRAN 17  
 HARIAN METRO (TENGAH): MUKA SURAT 41  
 TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# Ambil masa **seminggu** reka b-bot

Ekhwan Haque Fazul Haque  
 ekhwan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**W**alaupun bukan pelajar bidang sains dan teknologi namun tiga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn, Jalan San Peng, mampu menjuarai kategori terbuka Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) Peringkat Kuala Lumpur 2019, semalam.

Ketua pasukan, Rossham Amran, 17, berkata, dia bersama dua rakan sepasukan mengambil masa seminggu untuk mereka bentuk robot dinamakan sebagai b-bot yang mempunyai keupayaan untuk mengesan kadar suhu, kelembapan selain dapat menghantar isyarat kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku kemalangan.

Menurutnya, b-bot hanya mengambil masa sehari un-

■ Tiga pelajar bukan aliran sains, teknologi bina robot mampu kesan tahap suhu



DARI kiri, Nithiananthini, Muhammad Akmal Mohd Nazi, Rossham, Arica Joyce dan guru pengiring, Yeap Chye Fern pada Majlis Penutup Pertandingan NRC Peringkat Kuala Lumpur 2019, semalam.

tuk diprogramkan bagi membolehkan sensor yang dipasang berfungsi mengikut

spesifikasi yang ditetapkan hasil gabungan idea bersama dua rakan dan mentor pa-

sukan itu yang juga guru pengiring.

"Tema pertandingan tahun

ini adalah bandar pintar dan pasukan kami mahu menampilkan rekaan robot yang mempunyai kebolehan tersendiri sesuai untuk diaplikasikan mengikut keperluan semasa.

"Robot kami menggabungkan keupayaan *Internet of Things* atau IoT supaya ia dapat menghantar isyarat mengikut sensor yang ditetapkan kepada pihak berkuasa seperti polis dan pengguna," katanya selepas majlis penyampaian hadiah NRC 2019 Peringkat Kuala Lumpur di SMK Taman Connaught, semalam.

Dalam pertandingan itu, sebanyak 25 sekolah menengah dan 30 sekolah rendah di Kuala Lumpur mengambil bahagian dan juara untuk semua kategori akan menjadi wakil dalam pertandingan peringkat kebangsaan di Kedah September depan.

Pertandingan Robotik Kebangsaan dianjurkan Kementerian Pendidikan dengan kerjasama syarikat penyedia solusi pendidikan Salsbadi Holdings Berhad sejak 2005 sebagai platform untuk mempromosikan Sains, Teknologi, Pembacaan, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STREAM) dalam kalangan pelajar.

Kata Rossham, rekaan b-bot mampu memberi dimensi baharu kepada bidang robotik sesuai untuk keperluan terkini masyarakat yang semakin cenderung menggunakan sains dan teknologi dalam kehidupan seharian.

Sementara itu, mentor pasukan dan guru pengiring, K Nithiananthini berkata, pasukan sekolah berkenaan memenangi kategori terbuka dalam pertandingan berkenaan untuk kali kelima berturut-turut.





LAMPIRAN 18
HARIAN METRO (SANTAI): MUKA SURAT 61
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

DIDIK MASYARAKAT
CINTAI ALAM SEKITAR

JPSM giat promosi Taman Eko Rimba di seluruh negara

Zaitie Satibi
zaisa@hmetro.com.my

Kawasan hutan di Semenanjung Malaysia terdiri daripada hutan hujan tropika. Ia diurus dengan sistematik sejak Jabatan Perhutanan ditubuhkan pada 1901.

Berdasarkan ketinggian kawasan dari aras laut, hutan ini juga boleh dikelaskan kepada Hutan Dipterokarpa Pamah meliputi semua hutan di kawasan tanah dan di kaki-kaki bukit sehingga ketinggian 300 meter (m).

Hutan Dipterokarpa Bukit pula jenis hutan yang paling luas di Semenanjung dan wujud pada ketinggian 300 hingga 750 m, manakala Hutan Dipterokarpa Atas adalah hutan antara ketinggian 750 hingga 1,200m. Hutan Montane-Oak adalah hutan berada antara paras ketinggian 1,200 hingga 1,500 m dan hutan yang melebihi 1,500 m adalah Hutan Ericaceous-Gunung.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menerusi agensi negeri kini giat memperkenalkan

beberapa kawasan Hutan Dipterokarpa sebagai Taman Eko Rimba untuk kawasan rekreasi dan pelancongan hutan baharu bagi melahirkan masyarakat sihat dan mencintai alam sekitar.

Antara aktiviti riadah yang boleh dilakukan di Taman Eko Rimba yang tidak mengenakan sebarang bayaran kepada pengunjung seperti mendaki, berkhemah, jejak hutan, memerhati burung, memancing dan bermalam. Selain itu, turut diadakan program berbentuk pendidikan yang akan mengajak masyarakat mencintai alam semula jadi.

Jika anda mencari lokasi pelancongan alam semula jadi bersesuaian untuk

seisi keluarga dari kanak-kanak hingga dewasa, cuba kunjungi Taman Eko Rimba sambil menghirup udara segar dan menikmati pemandangan hijau flora. Hutan berkenaan juga menawarkan banyak sudut menarik untuk anda berswafoto dan memuatnaik di laman media sosial.

Taman Eko Rimba Bukit Wang di Jitra, Kedah yang dibuka semula kepada orang ramai sejak awal tahun ini selepas Jabatan Perhutanan Kedah melakukan kerja pemuliharaan dan baik pulih menawarkan suasana dikelilingi hutan semula jadi cukup mendamaikan jiwa.

Terletak kira-kira 12 kilometer (km) dari pekan Jitra,

Taman Eko Rimba Bukit Wang yang berada dalam kawasan Hutan Simpan Bukit Perangin turut memiliki nilai sejarah tersendiri apabila terdapat empangan yang dibina British pada 1913.

Selain berkelah dan mandi-manda, pengunjung juga boleh melakukan aktiviti lain di kawasan terbit seperti berkhemah dan memancing. Taman Eko Rimba Bukit Wang turut dilengkapi kemudahan asas seperti gazebo, trek jalan dan tempat letak kenderaan untuk memudahkan orang ramai berkunjung ke kawasan rekreasi itu.

Pejabat Perhutanan Johor Tengah juga mempopularkan kawasan Taman Eko

Rimba di bawah seliaannya. Antara yang giat dipromosi tahun ini adalah Taman Eko Rimba Gunung Belumut di Kluang dan Taman Eko Rimba Soga Perdana di Batu Pahat.

Taman Eko Rimba Soga Perdana kira-kira lima kilometer dari bandar Batu Pahat terkenal dengan aktiviti mendaki dan peminat sukan mendaki pasti tidak terlepas peluang mendaki Gunung Soga dengan ketinggian 820m. Terletak di dalam Hutan Simpan Soga, Taman Eko Rimba ini memiliki kepelbagaian flora dan fauna selain mempunyai menara pandang yang berfungsi sebagai lokasi tinjau panorama hutan serta bandar Batu Pahat.

Bagi Taman Eko Rimba Gunung Belumut yang terletak di Hutan Simpan Kluang pula, ia popular dengan spesies Orkid Selipar selain aktiviti mendaki puncaknya setinggi 1,010 meter. Gunung Belumut diberi nama sempena keadaan batu-batu di gunung yang licin dan berlumut.

Pengunjung perlu melalui jalan balak menggunakan kenderaan pacuan empat roda atau berjalan kaki melalui denai. Di kaki gunung ini terdapat aliran air terjun yang sederhana tinggi dan airnya sejuk serta nyaman, ia menjadi tarikan pengunjung terutama pada musim cuti atau hujung minggu.

Namun begitu, bagi aktiviti pendakian di kawasan Taman Eko Rimba ini pengunjung perlu mendapatkan Permit Memasuki Hutan Simpan dan akan dikenakan bayaran yang ditetapkan pihak berkuasa negeri.

Taman Eko Rimba Sungai

Besi yang berada dalam Hutan Simpan Sungai Besi di ibu negara dan dijangka dibuka kepada orang ramai pada Oktober ini bakal menyediakan kemudahan kawasan rekreasi serta pelancongan hutan baharu di Lembah Klang.

Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan turut memfokuskan pembangunan zon Arboretum bagi menjadikan hutan rekreasi dengan keluasan 42.29 hektar itu sebagai pusat pembelajaran dalam bandar melalui tana-man pelbagai spesies pokok yang ada di negara ini. Ia termasuk tumbuhan herba, orkid dan pokok berbuah dan warna-warni serta rotan.


Ini berikutan Taman Eko Rimba Sungai Besi adalah kawasan Hutan Dipterokarpa Tanah Pamah yang masih wujud dan terpelihara di tengah-tengah bandar raya serta berkepentingan daripada aspek kepelbagaian biologi serta menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora atau fauna.

Di samping menjadi tempat warga kota beriadah, kawasan ini juga sesuai menjadi gedung ilmu kepada ahli akademik serta pelajar sekolah dan universiti untuk membuat kajian kerana mempunyai koleksi spesies flora yang unik serta terancam kerana kedudukannya strategik di Kuala Lumpur.

Taman Eko Rimba dahulunya dikenali sebagai Hutan Lipur sebelum dinamakan semula JPSM pada penghujung 2016. Sehingga kini, terdapat 117 Taman Eko Rimba di seluruh negara yang diuruskan jabatan berkenaan.




TAMAN Eko Rimba saji pemandangan hijau flora.



TAMAN Eko Rimba Bukit Wang selepas dibaik pulih.



AKTIVITI riadah mandi-manda di air terjun.



PUPUK nilai cintakan alam sekitar di Taman Eko Rimba Gunung Belumut.



LAMPIRAN 19  
 THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 4  
 TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# 'Involve public in river management'

Turn riverbanks into community activity spots to solve pollution, says expert

By SHEILA SRI PRIYA  
 sheilasripriya@thestar.com.my

IT IS important to adopt a holistic approach towards river management to contain pollution problems affecting waterways.

Global Environment Centre (GEC) river care programme coordinator Dr K. Kalithasan said when a particular river was not a source of water for human consumption, its care would likely be neglected.

"This attitude should be done away with because rivers are interconnected and there must be an integrated approach towards river management," said Kalithasan. "There will be some form of negative implication towards nature if any one river suffers from pollution."

Kalithasan was commenting on a *StarMetro* report on July 16 over long-standing illegal dumping and open burning problems in Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya.

Residents in Ara Damansara are at their wits' end over the problems that have plagued them for more than a decade without any lasting solution.

The problems were exacerbated by thousands of fish found dead in the river two weeks ago by residents of Kampung Chempaka.

According to state environment, green technology, science and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian, the pollution could have been caused by wastewater discharged from sewage treatment plants.

Kalithasan felt that the relevant agencies – Selangor Drainage and Irrigation Department (DID), Selangor Water



Management Authority (Luas) and local authorities – must determine the overall management of Sungai Kayu Ara.

"The Integrated River Basin Management (IRBM) strategy by Luas is popular. The plan gives rivers an important role in the ecosystem over the long term.

"This requires policies and decisions across various sectors. Rivers have social, economic and ecological impacts that must be taken into consideration.

"Luas has the best model for river management. The issue doesn't end with tackling illegal dumping but goes beyond and a key component for success is community involvement," said Kalithasan.

When agencies are not proactive or effective in providing holistic solutions, it frustrates the community and public, he added.

"When the public is frustrated, they will say things like the authorities are not doing their job despite receiving numerous reports.

"The public is not interested in inconsistent enforcement that don't offer sustainable



Rubbish lining a bank of Sungai Kayu Ara where illegal dumping, open burning and wastewater discharge have polluted the river. – Filepic

solutions. There must be a plan beyond stopping illegal waste dumping."

Kalithasan said riverbanks and river reserves could be turned into community activity spots as part of river care management, adding that a component of IRBM involved public engagement.

"No matter how good or efficient the authorities are, they still need to include public engagement as mentioned by the plan.

"There are many communities willing to adopt river reserves. They can turn them into community gardens or recreational spots. This is a way forward to tackle issues related to river pollution.

These communities could also be the eyes and ears of the authorities.

"Sungai Kayu Ara flows into Sungai

Damansara. If you don't solve the problem at Sungai Kayu Ara, which is easier, it will snowball into a bigger problem."

Meanwhile, Ara Damansara Residents' Association spokesperson Albert Lau said residents were willing to turn the polluted riverbank into a community garden project if given the opportunity.

"The irony is no one even bothered to contact us since the story was published by *StarMetro*, be it the local councils, the authorities, the state assemblyman or the MP. We want to solve this issue once and for all," said Lau.

According to Shah Alam City Council (MBSA), the land owner where the illegal dumping took place was previously instructed to clear the area and asked to cordon off the location from intruders.

# LAMPIRAN 20 THE STAR (EVENTS): MUKA SURAT 13 TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)



The Ban Hoe Seng Auto 3S Centre in Klebang, Ipoh, is the first building in Perak to receive the Green Building Index Gold certification. — Photos: RONNIE CHIN/The Star

Lim (third from right) elaborating on the service centre's features to Ishiyama (second from left) during a tour of the new premises.

## Gold rating for green auto centre

### It adopts eco-friendly technologies to maximise efficiency, minimise waste

By ILI AQILAH  
iliaqilah@thestar.com.my

THE new Ban Hoe Seng Auto 3S Centre in Bandar Sri Klebang, Ipoh, is the first building in Perak with the Green Building Index Gold certification.

The sales, service and spare parts centre features several green technologies to maximise resource efficiency and minimise waste, energy and water usage.

These include a rainwater collection system and skylight or glass panels that optimise natural daylight.

Ban Hoe Seng chairman Datuk Lim Si Boon said rainwater collected were stored in two cisterns, to water the landscape or wash cars.

"The building also uses efficient Light Emitting Diodes (LED) and has photocell sensors that detect light to regulate lighting," he said at the grand opening of the centre on Tuesday.

"The centre also has a centralised heating, ventilation and air-conditioning system that controls the temperature, reducing energy consumption," he added.

Lim said the centre also had a vertical green wall in the workshop area and composting bins for organic waste processing.

“Now, we have a building with modern construction that utilises clean energy and new technology that uses less energy to run.”

Datuk Lim Si Boon

“When we started this project two years ago, it was a building of the future.”

“Now, we have a building with modern construction that utilises clean energy and new technology that uses less energy to run,” he said.

“As one of the longest-established authorised Honda dealers in Malaysia, we are proud to still be leading the way with this record-breaking, gold-rated building.”

The centre consists of a showroom and a service area.

Present during the event was Honda Malaysia managing director and chief executive officer Toichi Ishiyama.



(From left) Ban Hoe Seng (Auto) Sdn Bhd director Kym Looe, Ishiyama, Lim and Honda (M) Sdn Bhd president and chief operating officer Sarly Adle Sarkum launching the new 3S Centre in Klebang, Ipoh.



LAMPIRAN 21  
 THE STAR (TECHNOLOGY): MUKA SURAT 8  
 TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

# AI in the kitchen

Better food through artificial intelligence.

LOOKING for that perfect recipe, or a new flavour combination that delights the senses? Increasingly, players in the food industry are embracing artificial intelligence (AI) to better understand the dynamics of flavour, aroma and other factors that go into making a food product a success.

Earlier this year, IBM became a surprise entrant to the food sector, announcing a partnership with seasonings maker McCormick to “explore flavour territories more quickly and efficiently using AI to learn and predict new flavour combinations” using collected data from millions of data points.

The partnership highlights how technology is being used to disrupt the food industry by helping develop new products and respond to consumer preferences and offer improved nutrition and flavour.

“More and more, food companies are embracing digitisation and becoming data-driven,” said Bernard Lahousse, co-founder of Foodpairing, a startup with offices in Belgium and New York which develops digital food “maps” and algorithms to recommend food and drink combinations.

## Digitising flavours

New York-based Analytical Flavour Systems uses AI to create a model or “gastrograph” of flavour, aroma, and texture to predict consumer preference for food and beverage products.

The platform, which recently raised US\$4mil (RM16.4mil) in funding, aims to help companies “create better, more targeted and healthy products for consumers”, according to founder Jason Cohen.

It’s not clear how much funding is going into AI food ventures, although overall food tech investment amounted to US\$16.9bil

(RM69.5bil) in 2018, according to data from the investment platform AgTech Funder.

Brita Rosenheim, a food tech analyst and investor in Analytical Flavour Systems through the firm Better Food Ventures, said technology can help “digitise existing data” from human taste panels and speed up the process for developing new food products.

“The typical food product development process is long, and there are a lot of holes where there is no clear feedback on how the market reacts, so this kind of technology can help,” Rosenheim said.

Foodpairing, for example, offers its “flavour intelligence” map based on molecular analysis: a Spanish dry-cured ham, for example, has elements described as “cheesy” or acidic while beetroots have a “woody” and “caramellic” flavour profile.


Lahousse said one of its notable pairing recommendations was oysters and kiwi, which became a signature dish at a well-known Belgian restaurant.

“Foodpairing maps out all possible pairings, but food is cultural and personal,” he said. “That is why we also use consumer behaviour to increase the relevance of the pairings when we work with food companies.”

## Basil from MIT

Researchers at the Massachusetts Institute of Technology (MIT) illustrated how AI can be useful in determining optimal growing conditions by growing basil with supercharged flavour, and hope to adapt that for other products.

“Artificial intelligence could give us the ability to utilise vast datasets of detailed agricultural information for the improvement of our food crops, faster than ever before,” said



Analytical Flavour Systems uses AI to create a model or ‘gastrograph’ of flavour, aroma, and texture to predict consumer preference for food and beverage products. — 123rf.com

John de la Parra, head of MIT’s Open Agriculture Initiative.

Better data collection and standards are essential to enabling innovations in food, said Matthew Lange, a lecturer at the University of California at Davis and head of the IC3 Foods research centre on food informatics which works on data standards for food properties.

“I see a lot of people applying machine learning around flavour and nutrition in recipe development,” Lange said. Lange said this could take off even more with bet-

ter standards and data sharing to map flavours and aromas, opening up new possibilities for “personalised” foods and recipes that offer better flavour, nutrition and sustainability.

“If we have the ability to ‘play back’ flavour and aroma it will create a veritable explosion in technology and business models,” he said. “Imagine being able to dial in (the preferred flavours and aromas) to create a sauce just to your liking,” he said. “Maybe you want to create something to have a sense

of the beach, so this becomes an experience.”

MIT’s de la Parra said the notion of AI-personalised food is not likely to be seen soon. “Personalised food on the individual level is a lofty goal,” he said.

“To be done well, it would require large amounts of personal data, much of which might be complicated by questions of privacy and security. It is more likely, in the foreseeable future, that AI would be used to predict broad trends in consumer trends and tastes.” — AFP

LAMPIRAN 22  
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 80  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

## Meteorit 15 kilogram terhempas di bendang

**New Delhi:** Objek berukuran sebiji bola sepak dipercayai meteorit dilaporkan terhempas di sebuah bendang di timur India, sekali gus menjatuhkan petani yang berada di kawasan itu.

Menurut saksi, objek berwarna coklat cerah jatuh terhempas di kampung berkenaan menyebabkan mereka bertempir lari pada tengah hari kelmarin.


“Semua petani sedang bekerja di sawah padi, ketika batu yang berat jatuh dari langit dengan bunyi yang kuat,” kata majistret daerah Madhubani, Bihar, Shirsat Kapil Ashok kepada *AFP*.

Penduduk kampung terus mbanjiri lokasi batu itu terhempas selepas asap semakin reda lalu menarik keluar batu dari dalam tanah, hingga meninggalkan kawah sedalam 1.2 meter.

“Kami melihat ia mempunyai sifat magnet yang amat kuat, sedikit bersinar dan mempunyai berat kira-kira 15 kilogram,” kata Ashok.

Katanya, objek itu kini sedang dianalisis beberapa saintis bagi menentukan sama ada ia meteorit atau sebaliknya.

Pada 2016, pihak berkuasa Tamil Nadu di selatan India berkata, meteorit menyebabkan seorang pemandu bas terbunuh dan mencederakan



**Penduduk kampung** memegang meteorit seberat 15 kilogram yang jatuh di bendang di Mahadeva, di daerah Madhubani, Bihar di timur India. (Foto AFP)

tiga yang lain.

Walaupun, saintis India menyokong hujah yang dikemukakan pihak berkuasa wilayah itu, namun Pentadbir Angkasa Lepas dan Aeronautik Amerika Syarikat (NASA) menyangkal dakwaan bahawa objek itu adalah meteorit.

Sebuah meteorit dilaporkan jatuh di Pergunungan Ural di Russia pada Februari 2013, mengakibatkan 1,200 penduduk cedera, selain memusnahkan ribuan kediaman. *AFP*





LAMPIRAN 23  
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 81  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

## iSpace lancar satelit milik China ke orbit

**Beijing:** iSpace berjaya melancarkan sebuah roket pembawa satelit ke orbit dari tapak pelancaran di barat laut China semalam.

Ia sekali gus, mencatat sejarah sebagai pelancaran pertama ke orbit hasil pembiayaan swasta, iaitu firma China.

Syarikat itu dalam satu kenyataan di akaun Wechat berkata, roket Hyperbola-1 milik iSpace dilancarkan dari Pusat Pelancaran Satelit Jiuquan pada jam 1 petang (waktu tempatan), semalam.

Katanya, roket itu membawa dua satelit dan muatan lain ke kitaran orbit yang ditetapkan.

Sebelum ini, dua misi pelancaran pada akhir tahun lalu, terpaksa dibatalkan berikutan pelbagai masalah.

Pada Oktober 2018, syarikat

Landspace yang berpangkalan di Beijing berusaha melancarkan satelit ke orbit, tetapi gagal.

Akhir Mac lalu, sebuah roket yang dibina oleh OneSpace juga gagal tiba di orbit.

Sejak beberapa tahun lalu, puluhan syarikat swasta yang melabur dalam bidang angkasa di China berlumba-lumba untuk membina roket yang mampu membawa satelit mikro pada kos yang rendah.

Satelit itu bakal dilengkapi aplikasi komersial dan disokong oleh modal teroka dari negara itu.

Namun, pada Mei 2018, OneSpace menjadi firma swasta pertama yang berjaya menghantar roket ke angkasa, diikuti oleh pelancaran iSpace, empat bulan kemudian.

REUTERS



LAMPIRAN 24  
BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 81  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)



## Suhu panas punca kemarau di Eropah

**Bangkai ikan ditemui pada dasar sungai Loire at Montjean-sur-Loire** di barat Perancis, akibat cuaca panas yang mengakibatkan kemarau melanda beberapa negara di barat Eropah. Beberapa negara di utara Eropah turut mengalami gelombang haba hingga menjejaskan perkhidmatan kereta api. Sementara itu, suhu dilaporkan mencecah 42 darjah Celsius di Paris, sekali gus memecahkan rekod dicatatkan dalam tempoh lebih 70 tahun

(Foto AFP)



LAMPIRAN 25  
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 42  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)



SEORANG lelaki menonton rakaman video pelancaran misil Korea Utara di sebuah stesen kereta api di Seoul, Korea Selatan semalam.

## Korea Utara uji misil jenis baharu

SEOUL - Salah satu daripada dua misil yang dilancarkan Korea Utara ke laut semalam terbang sejauh 690 kilometer (km) dan ia adalah sejenis 'peluru berpandu baharu' yang belum pernah dilihat Ketua Turus Bersama (JCS) Korea Selatan sebelum ini, menurut seorang pegawai di Seoul.

Terdahulu, JCS pada hari sama menyatakan, dua misil dilancarkan pada awal pagi dari Wonsan di perairan utara Korea Utara dan terbang lebih 430km sebelum jatuh ke dalam laut.

Selepas itu, satu kenyataan berasingan dikeluarkan menyifatkan misil kedua yang dilancarkan Korea Utara terbang sejauh 690km dan difahamkan ia adalah sejenis misil baharu, memetik satu analisis pihak berkuasa Korea Selatan dan perisikan Amerika Syarikat (AS).

Ia adalah ujian misil pertama Korea Utara sejak pertemuan spontan antara Presiden AS, Donald Trump dan pemimpin Korea Utara, Kim Jong-un pada bulan lalu untuk menyambung

semula rundingan pelucutan senjata nuklear.

Penganalisis menyatakan ujian terkini memberi isyarat kemarahan Pyongyang berhubung latihan ketenteraan AS-Korea Selatan yang dijadualkan berlangsung pada bulan depan.

Sebelum ini, Pyongyang melancarkan beberapa misil jarak dekat pada bulan Mei, yang disifatkan oleh Trump pada waktu itu sebagai 'barangan biasa', tidak memberi impak kepada hubungan beliau dan Jong-un.  
- AFP





LAMPIRAN 26  
HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 46  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)



LAMPIRAN 27  
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 42  
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

Gelombang haba jejakkan penduduk, ternakan dan sumber air

# Eropah diancam suhu panas

**P**ARIS – Fenomena gelombang haba yang melanda di seluruh Eropah mencapai tahap kemuncak semalam, mencetuskan kebimbangan terhadap kesihatan orang awam dan menjejaskan sistem pengangkutan kereta api.

Beberapa negara mencatat rekod suhu panas melampau termasuk di Belgium, Jerman dan Belanda kelmarin, disusuli dengan Britain dan kota Paris, Perancis semalam.

Pihak berkuasa di Belgium mengeluarkan amaran peringkat merah bagi hampir keseluruhan negara kecuali di perairan Laut Utara sehingga hari ini.

Perjalanan kereta api terpaksa diperlahankan di beberapa negara Eropah untuk mengelakkan kerosakan rangkaian tren dan operator kebangsaan Perancis, SNCF meminta penumpang menunda perjalanan.

Di Belanda, kumpulan penternak membiarkan lembu masing-masing tidur di luar, berbanding dimasukkan ke kandang pada waktu malam manakala media Belanda melaporkan, beratus-ratus ekor babi mati selepas unit pendingin hawa rosak di per-



BACAAN termometer menunjukkan suhu mencecah 40 darjah Celsius di luar bangunan Dewan Perbandaran Belin-Beliet, barat daya Perancis pada Selasa lalu.



POLIS menggunakan trak meriam air untuk menyiram pokok di tepi jalan di Wuppertal, barat Jerman ketika suhu mencecah sekitar 35 darjah Celsius kelmarin.

bandaran Middelharnis.

Gelombang haba, dijangka semakin reda hari ini disebabkan ramalan hujan dan ribut petir; sekali lagi menarik perhatian awam terhadap permasalahan itu akibat perubahan iklim.

Pihak berkuasa meminta penduduk mengambil berat terhadap mereka yang tinggal bersendirian dan orang ramai diminta berhati-hati ketika berendam di dalam kolam disebabkan ada peningkatan mendadak kes lemas.

Sementara itu, ratusan penumpang terperangkap di dalam

kereta api ketika cuaca panas selama beberapa jam, selepas satu transformer elektrik terbakar menjejaskan perjalanan ke stesen Gare de l'Est di Paris dan dari stesen tersebut.

Insiden itu berlaku selepas satu kegagalan talian elektrik mengakibatkan perjalanan tren tergendala antara Brussels dan London serta Paris. Tiada maklumat sama ada gangguan itu disebabkan gelombang haba, namun operator pengangkutan Eurostar memberi peringatan bahawa gangguan lanjut berlarutan

hingga semalam.

"Saya minta semua orang untuk mengelak atau melambatkan perjalanan masing-masing," kata Menteri Alam Sekitar Perancis, Elisabeth Borne.

"Kami perlu menjaga diri dan orang lain yang bersendirian, serta berupaya mengesan simptom awal strok haba," kata Perdana Menteri Perancis, Edouard Philippe.

Beberapa pihak berkuasa tempatan di Eropah turut mengena-kan had penggunaan air di kebanyakan kawasan susulan keadaan

## INFO Suhu panas Eropah

**Bandar Liege (Belgium):** 40.2 darjah Celsius

**Brussels (Belgium):** 34.2 darjah Celsius

**Pangkalan Tentera Kleine-Brogel (Belgium):** 39.9 Celsius

**Paris (Perancis):** 41 darjah Celsius

**Bordeaux (Perancis):** 41.2 darjah Celsius

**Vichy (Perancis):** 41.3 darjah Celsius.

**Faversham (Britain):** 38.5 darjah Celsius

**Gilze-Rijen (Belanda):** 38.8 darjah Celsius

**Gellenkirchen (Jerman):** 40.5 darjah Celsius

seakan-akan kemarau yang menyebabkan paras air bawah tanah serta sungai susut mendadak.

Di London, polis masih mencari tiga individu yang hilang di Sungai Thames semasa mereka berenang manakala tiga lagi orang disahkan mati lemas di Jerman pada Selasa lalu. - AFP